

'Cahaya malam' bakal pupus

■ Bilangan kelip-kelip makin menurun ekoran tiada usaha pemuliharaan bersepadu

Oleh **ROSYAHAIDA ABDULLAH**
rosyahaida@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor, dekat sini, yang menjadi antara tarikan pelancongan negara boleh pupus dalam tempoh 10 tahun lagi jika tiada usaha bersepadu dilakukan untuk pe-

muliharaan serangga unik itu.

Pensyarah Jabatan Biologi Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Alvin Hee Kah Wei berkata, kemungkinan itu boleh berlaku berikutan kemeriahan kelip-kelip di situ tidak lagi sehebat dulu.


Beliau berkata, berbanding beberapa tahun sebelum ini,

keindahan kelip-kelip umpama pesta hinggakan setiap pohon berembang yang menjadi tempat hinggap kelip-kelip pada waktu malam kelihatan seperti pokok Krismas.

“Inilah hakikat yang kita hadapi. Bagaimanapun, saya tidak melihat faktor iklim atau biologi sebagai punca bilangan hidupan eksotik ini

semakin menurun, sebaliknya perubahan terbabit disebabkan manusia itu sendiri.

“Sejak lebih 20 tahun lalu, kegiatan pembalakan berjalan lancar demi mengejar pembangunan, namun saya kira kita perlu seimbangkan juga kepentingan untuk ekonomi dan alam sekitar,” katanya.



“**Jika nyamuk memerlukan darah manusia untuk bertelur, begitu juga kelip-kelip yang memerlukan siput**”

Dr Alvin

Mengulas lanjut, Alvin menjelaskan, kitaran hidup kelip-kelip adalah kompleks. Ia bergantung kepada sejenis siput sebagai perumahannya manakala siput itu pula memerlukan perumah lain berupa sejenis tumbuhan untuk hidup.

Dalam hal ini, katanya, semua perumah itu penting serta perlu dipelihara dan dipulihara untuk memastikan kelip-kelip terus menjadi tarikan negara, apatah lagi ia hanya boleh didapati di beberapa lokasi di dunia.

“Wujud pertalian ekologi antara kelip-kelip dan siput, yang mana pada satu peringkat hidupnya, kelip-ke-

lip memerlukan siput sebagai perumah bagi membolehkannya ke peringkat seterusnya dan terus hidup. Tanpa perumah, kitaran hidupnya terbantut dan tidak lengkap. Dalam kata mudah, ia akan mati.

“Justeru, penting untuk kita turut mengambil kira kepentingan menjaga perumah siput terbabit iaitu tumbuhan bagi memastikan ia dapat berperanan buat kelip-kelip.

“Jika nyamuk memerlukan darah manusia untuk bertelur, begitu juga kelip-kelip yang memerlukan siput untuk melengkapkan kitaran hidupnya,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap pembalakan haram dapat dipantau kerana ia bukan saja membantu usaha pemeliharaan kelip-kelip, malah bermanfaat buat negara.

Bagaimanapun, Metro Ahad difahamkan, kawasan dengan radius lima kilometer dari pusat pelancongan terbabit ditetapkan sebagai kawasan tidak dibenarkan mempunyai pembangunan demi menjaga kelestarian hidupan serangga unik kelip-kelip.

Dalam radius berkenaan, hanya tanaman sagu dibenarkan yang bersesuaian dengan habitat sejuk untuk kelip-kelip.

LAGI LAPORAN TENTANG KELIP-KELIP DI RUANGAN WAJAH KEHIDUPAN.